

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXVI)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA  
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

8. Mohon disenaraikan peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada rumah ibadah bukan Islam (RIBI) dari tahun 2015 sehingga sekarang.
- (a) Senaraikan nama-nama RIBI yang disalurkan oleh kerajaan.
  - (b) Adakah kerajaan menyalurkan bantuan kepada RIBI yang tidak berdaftar?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada rumah ibadah bukan Islam (RIBI) melalui pembayaran sumbangan Tabung Amanah RIBI sejak dari tahun 2016 sehingga kini, adalah sebanyak **RM6,141,321.24**. Manakala jumlah bilangan RIBI yang telah menerima sumbangan ini adalah sebanyak 153.
- (a) Senarai permohonan sumbangan Tabung Amanah RIBI dari tahun 2016 hingga Februari 2020 seperti di **LAMPIRAN A**.
  - (b) Sumbangan Tabung RIBI adalah terbuka hanya kepada semua RIBI yang berdaftar dengan Pertubuhan Pendaftaran Persatuan (ROS) atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau ditubuhkan di bawah Akta Parlimen (pendaftaran gereja sahaja). Sehubungan itu, Kerajaan Negeri hanya menyalurkan bantuan kepada RIBI yang berdaftar sahaja.